

Headline	Tiga IPT raikan anak yatim	Language	MALAY
Date	24. Sep 2008	Page No	11
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	687 cm ²
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	9685.33



SULTAN Sharafuddin Idris Shah menyampaikan sumbangan hari raya kepada anak-anak yatim di UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.



NORDIN KARDI menyampaikan sumbangan hari raya kepada anak-anak yatim pada majlis berbuka puasa di UUM, baru-baru ini.

Tiga IPT raikan anak yatim



MAHASISWA UM bergotong-royong memasak bubur lambuk untuk anak yatim.

SESUAI dengan keberkatan yang terkandung pada Ramadan, umat Islam umumnya lebih mudah bersedekah dalam bulan ini berbanding bulan-bulan lain.

Rasulullah SAW bersabda: *Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan yang ia gembira dengan keduanya: jika berbuka ia gembira, dan jika bertemu Allah dengan puasanya ia gembira.* (riwayat Bukhari dan Muslim)

Sehubungan itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini mengadakan majlis berbuka puasa dan solat tarawih bersama 180 anak yatim di masjid universiti berkenaan di Serdang, Selangor.

Anak-anak yatim itu daripada Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Sekolah Kebangsaan Serdang, Sekolah Menengah Sri Indah, Serdang, Sekolah Menengah Sri Serdang dan Rumah Anak Yatim Nur Hikmah, Kajang.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan duit raya kepada kesemua anak yatim berkenaan.

Sumbangan itu ditaja oleh Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings merangkap Pro-Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail.

Selepas berbuka puasa, baginda turut menjalani ibadah solat maghrib, Isyak dan tarawih bersama kira-kira 2,000 warga UPM dan penduduk sekitar Serdang.

Hadir sama ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Sementara itu, di Universiti Malaya (UM), Jawatankuasa Perkembangan Balai Islam Kediaman Ketiga menganjurkan majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim.

Seramai 65 anak yatim dari Rumah Anak Kesayanganku (RAK), Hulu Selangor dijemput menghadiri majlis tersebut.

Tujuan program ini ialah merapatkan

Headline
Date
Media Title

Tiga IPT raikan anak yatim
24. Sep 2008
Utusan Malaysia

hubungan antara mahasiswa kolej itu dengan anak-anak yatim di samping mewujudkan perasaan gembira menyambut Ramadan dan Aidilfitri.

Insaf

Program itu juga dapat menimbulkan kesedaran di kalangan mahasiswa yang menerima pelbagai nikmat Allah supaya berasa insaf apabila melihat ada golongan yang kurang bernasib baik di sekeliling kita.

Pengarah Program Ihya' Ramadan kolej berkenaan, Ahmad Lukman Ali berkata, anak-anak yatim adalah golongan yang mulia dan mahasiswa tidak seharusnya melupakan mereka menjelang puasa dan Aidilfitri.

Pada majlis yang sama, turut diadakan aktiviti memasak bubur lambuk. Kanak-kanak dijemput berbuka puasa di samping menerima sumbangan

hamper dan duit raya.

Pengetua Kolej Kediaman Ketiga UUM, Prof. Madya Dr. Shariffuddin Zainudin semasa merasmikan program itu berkata, program sedemikian amat digalakkan dan beliau percaya lebih banyak perkara yang boleh disumbangkan kepada golongan berkenaan terutama berkongsi ilmu yang dimiliki.

Beliau berharap mahasiswa dapat menyusun pelbagai program untuk anak yatim pada masa akan datang sebagai tanda sayang mahasiswa terhadap mereka.

"Kehidupan anak yatim mungkin berubah apabila dewasa kelak sekiranya mereka diberi peluang belajar dengan baik," katanya.

Di Sintok, Kedah, EDC-Universiti Utara Malaysia (UUM) turut mengambil kesempatan Ramadan untuk meraikan 60 orang anak yatim

dari tiga sekolah di sekitar Sintok pada majlis berbuka puasa, baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada 30 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Sintok, 19 pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Baru Sintok dan 11 pelajar SK Felda Bukit Tangga.

Turut sama meraikan anak-anak yatim tersebut ialah Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr. Nordin Kardi dan isteri, Puan Sri Sabariah Mohd. Shariff serta beberapa ahli Persatuan staf UUM.

Selain meraikan mereka berbuka puasa, Nordin turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada semua anak yatim tersebut.

Tanggungjawab korporat

Sementara itu, Pengurus Besar EDC-UUM, Suzzaaini Abdullah berkata, tujuan utama majlis itu adalah meraikan anak-anak yatim di sekitar Sintok sebagai salah satu tanggungjawab korporat EDC-UUM.

Ia juga bertujuan menunjukkan rasa terima kasih kepada masyarakat setempat yang memberikan sokongan padu terhadap pembangunan EDC-UUM.

Seorang pelajar SMK Bandar Baru Sintok, Muhd. Ikram Ahmad Fuzi mengucapkan terima kasih kepada EDC-UUM kerana menganjurkan majlis berbuka puasa tersebut.

Beliau yang kali pertama menikmati juadah di EDC berasa gembira dengan sumbangan dan perhatian daripada pihak UUM kepada anak-anak yatim di sekitar Sintok.

EDC yang mula beroperasi sekitar September 2006 adalah hotel untuk memberi peluang kepada pelajar UUM khususnya dalam program hospitaliti menimbulkan pengalaman daripada situasi sebenar.

EDC juga dilengkapi kemudahan yang mencukupi bagi sebuah hotel dan menyediakan kemudahan perkhidmatan untuk semua pihak yang berminat.